

Headline	Teknik fotografi di atas kanvas, arca		
MediaTitle	Berita Harian		
Date	30 Aug 2013	Color	Full Color
Section	Nasional	Circulation	192,982
Page No	46	Readership	1,521,000
Language	Malay	ArticleSize	729 cm ²
Journalist	Oleh Latifah Arifin	AdValue	RM 24,681
Frequency	Daily	PR Value	RM 74,042



Teknik fotografi di atas kanvas, arca

» Pameran *Light, Image, Moment*, sarat kelainan dan kreativiti

Oleh Latifah Arifin

Ingin melihat bagaimana teknik pencahayaan yang selalunya dikaitkan dengan seni fotografi diterjemah ke atas kanvas, arca dan multimedia, Pameran *Light, Image, Moment*, sarat kelainan dan kreativiti, di Galeri Serdang, Fakulti Reka Bentuk dan Seni Bina, Universiti Putra Malaysia (UPM) yang berlangsung sehingga 31 Ogos, wajib kunjungi.

Kuratornya, Nasir Baharuddin, berkata *Light, Image, Moment*, diadakan sebagai satu daya penggalak kepada artis tempatan supaya cergas menghasilkan karya eksperimental dan penyelidikan. Proses penciptaan cahaya sebenarnya boleh menghasilkan pelbagai imej menarik.

"Itu antara perkara penting pada pameran yang menggabungkan lima pelukis, iaitu Mohd Shahril Mohd Nawawi, Ary Arham Azmi, Levente Salma, Elyas Yamani Ismail dan Marfizul Azuan Marsuki yang menyahut cabaran menghasilkan karya menggunakan cahaya," katanya pada pertemuan dengan *Galeri BH*.

Proses fotografi tradisional

Pensyarah Fakulti Seni Lukis dan Seni Reka Universiti Selangor (UNISEL), Mohd Shahril Mohd Nawawi, menyerlah dengan karya unik, *Untitled 5 : Sirih Pinang Series*, menggunakan proses fotografi tradisional, cetakan *Gum Bichromate*.

"Karya saya pada pameran ini meneroka antara jati diri dan budaya. Saya menggunakan teknik cetakan fotografi tradisional, iaitu *Gum bichromate* yang diperkenalkan sejak abad ke-19 dan proses menyiapkannya lama dan rumit kerana perlu mencetak ber-

ulang kali bagi mendapat hasil memuaskan," ujarnya.

Karya Pensyarah Fakulti Seni Halus, Akademi Seni Budaya dan Warisan Kebangsaan (ASWARA), Marfizul Azuan Marsuki, terutama *Junkface*, menampilkan pelbagai raut dan ekspresi wajah manusia menggunakan bahan terbuang memberikan kelainan tersendiri.

"Karya ini melambangkan perwatakan *Junkface* atau muka sampah dalam enam ekspresi, iaitu kecewa, marah, tidak keruan, sayu, bengis, duka, gembira, hilang dan trauma. Bentuk muka manusia termasuk mata, hidung dan mulut, dihasilkan menggunakan bahan

terbuang, sekali gus memperlihatkan betapa masyarakat mempunyai pelbagai sifat kepura-puraan dalam kehidupan mereka," jelasnya.

Bahan kitar semula

Kreativiti Elias Yamani Ismail dalam menggunakan bahan kitar semula tersejarah antaranya menerusi *Modifikasi No.2* yang menterjemah dunia penuh dengan kegiatan dan produk berupa seni dan tempat seperti pusat pelupusan sampah, kedai besi buruk atau di tong pembuangan sisa binaan.

"Saya cuba merevolusikan idea

kitar semula dengan menggunakan pelbagai jenis bahantara dan mencantumkan sejumlah bahan yang dikutip atau ditemui menjadi hasil seni berharga," katanya.

Ary Arham Azmi menerusi *Yang Mana Kita Ni?* pula menimbulkan persoalan mengenai pegangan kita

dalam perjuangan seni, sama ada berpegang kepada bentuk tradisional, moden atau kontemporari dengan menggunakan imej artis kontemporari terkemuka di China, Ai Weiwei sebagai simbolik.

Pameran *Light, Image, Moment*


- Ⓞ **Lokasi:** Galeri Serdang, Fakulti Rekabentuk dan Seni Bina, UPM Serdang
- Ⓞ **Jumlah Pelukis:** Lima
- Ⓞ **Telefon:** 03-89464090
- Ⓞ **Waktu Operasi:** 10 pagi hingga 6 petang (Isnin hingga Jumaat)
- Ⓞ **Laman Web:** frsb.upm.edu.my
- Ⓞ **E-mel:** frsb@putra.upm.edu.my
- Ⓞ **Tarikh:** Hingga 31 Ogos



Headline	Teknik fotografi di atas kanvas, arca		
MediaTitle	Berita Harian		
Date	30 Aug 2013	Color	Full Color
Section	Nasional	Circulation	192,982
Page No	46	Readership	1,521,000
Language	Malay	ArticleSize	729 cm ²
Journalist	Oleh Latifah Arifin	AdValue	RM 24,681
Frequency	Daily	PR Value	RM 74,042



Headline	Teknik fotografi di atas kanvas, arca		
MediaTitle	Berita Harian		
Date	30 Aug 2013	Color	Full Color
Section	Nasional	Circulation	192,982
Page No	46	Readership	1,521,000
Language	Malay	ArticleSize	729 cm ²
Journalist	Oleh Latifah Arifin	AdValue	RM 24,681
Frequency	Daily	PR Value	RM 74,042



Dari kiri; Nasir, Levente Salma, Ary Arhan, Mohd Shahril, Elyas Yamani dan Marfizul Azuan pada **Pameran Light, Image, Moment** di Galeri Serdang.

[FOTO ROSDAN WAHID /BH]

Modifikasi No 2 karya Elyas Yamani.